

16 JUN 2000

Mahathir-MSK/I

MSK TARIK 34 SYARIKAT BERTARAF DUNIA

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Koridor Raya Multimedia (MSK) sebagai telah agak maju dalam erti kata bahawa ia telah menarik 34 syarikat bertaraf dunia setakat ini.

Perbadanan Pembangunan Multimedia telah menetapkan sasaran untuk menarik 50 syarikat bertaraf dunia dan 500 syarikat-syarikat kecil yang lain ke dalam MSK menjelang tahun 2003.

Dr Mahathir berkata pembangunan MSK jauh mendahului jadualnya dan 334 syarikat-syarikat MSK lebih kecil yang lain telahpun beroperasi dalam MSK.

Bagaimanapun, tidak kesemuanya terletak di Cyberjaya, nadi MSK, kata beliau kepada pemberita selepas pelancaran Pusat Perisian Motorola di Cyberjaya, dekat sini hari ini.

Sebahagian daripadanya terletak di kawasan-kawasan MSK yang lain, yang meliputi kawasan seluas 15 kali 50 km persegi antara Menara Kembar KLCC dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Dr Mahathir percaya semua syarikat MSK akan berpindah ke Cyberjaya dan kawasan-kawasan sekitarnya sebaik sahaja prasarana di kawasan-kawasan ini dimajukan dan siap sepenuhnya.

Ketika ditanya sama ada terdapat minat daripada pihak-pihak baru untuk menyertai Panel Penasihat Antarabangsa MSK (IAP), Perdana Menteri berkata banyak pihak yang berminat untuk menyertainya.

Menurut Dr Mahathir, kehadiran mereka dalam IAP adalah amat berguna kerana mereka mewakili ide dan pusat yang berbeza-beza serta akan memberi panduan tentang apa lagi yang boleh Malaysia lakukan dengan MSK.

Mengenai pelaburan berjumlah AS\$10 juta oleh Motorola Inc dalam pusat perisiannya di Cyberjaya, Dr Mahathir berkata ini menunjukkan komitmen serius syarikat itu untuk melabur di Malaysia dan sokongannya yang cergas dan berterusan terhadap MSK.

Beliau berkata Motorola telah menjadi pelabur korporat yang sangat baik di Malaysia sejak 20 tahun lalu.

Motorola telah berkembang dengan banyaknya tahun demi tahun, katanya.

Dr Mahathir berkata Motorola, yang mempunyai tenaga kerja melebihi 8,000 di negara ini, mengesport banyak alat komunikasi dari Malaysia.

Pelaburan oleh Motorola ini menunjukkan keyakinan kukuh syarikat itu bahawa MSK akan mencapai kemajuan dan kecemerlangan, kata Perdana Menteri.

Sementara itu, pengerusi eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata Netlinx, sebuah syarikat yang beribu pejabat di Jerman, akan melabur sejumlah RM80 juta dalam MSK.

Ia kini bertempat di Menara Kembar KLCC dan akan berpindah ke Cyberjaya pada Februari tahun depan.

Dr Othman berkata syarikat itu sedang mencari rumah di kawasan Cyberjaya bagi menempatkan lebih 200 pekerjanya.

Beliau juga berkata sebuah syarikat Kanada, Don Epsscott, juga menunjukkan minat untuk menubuhkan pejabat di Cyberjaya.

-- BERNAMA

RIZ KY MA FAZ